



Utusan Malaysia - Projek Zon Perdagangan Bebas Digital Dilancar

🕒 Sabtu, Nov 04 2017



Projek Zon Perdagangan Bebas Digital dilancar

SEPANG 3 Nov. – Pengasas dan Pengerusi Eksekutif Kumpulan Alibaba, Jack Ma hari ini menzahirkan rasa kagum dengan kepemimpinan Datuk Seri Najib Tun Razak dalam merealisasikan projek Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ) di negara ini.

Katanya, kepimpinan Perdana Menteri dilihat berjaya ‘membuang’ halangan-halangan yang wujud dalam memastikan inisiatif DFTZ dapat

Kepemimpinan Perdana Menteri dilihat berjaya ‘membuang’ halangan-halangan yang wujud dalam memastikan inisiatif DFTZ dapat dilaksanakan dan memberi manfaat

dilaksanakan dan memberi manfaat kepada rakyat.

“Saya sangat kagum dengan kepemimpinan Najib yang merealisasikan perkara ini. Keazaman dan semangat kerajaan Malaysia amat jelas dalam perkara ini.

“Banyak negara bercakap tentang perkara ini tetapi Malaysia telah mengorak langkahnya,” katanya dalam majlis pelancaran Taman DFTZ Aeropolis Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) atau KLIA Aeropolis DFTZ Park, di sini hari ini.

KLIA Aeropolis DFTZ Park merupakan hab e-penunai (e-fulfillment) serantau pertama Kumpulan Alibaba di luar China.

Hab tersebut dilengkapi teknologi terkini dan berperanan sebagai sebuah kluster kemudahan bagi pelepasan kastam, pergudangan dan logistik untuk memudahkan serta memacu pertumbuhan dua angka kadar kargo udara dan seterusnya meletakkan Aeropolis KLIA sebagai hab e-dagang rentas sempadan terkemuka.

Hab itu akan dibangunkan menerusi dua fasa iaitu yang

kepada rakyat.”

JACK MA

**Pengasas dan Pengerusi
Eksekutif Kumpulan Alibaba**

baharu dan dikendalikan oleh Pos Malaysia Berhad (Pos Malaysia) untuk penggiat-penggiat e-dagang.

Fasa kedua pula adalah pembangunan lapangan hijau (greenfield) melibatkan kawasan seluas 24 hektar oleh Malaysia Airports Holdings Bhd. (MAHB) dan Cainiao Network, yang akan beroperasi pada 2020.

Mengulas lanjut, Jack berkata, pihaknya berasa teruja dengan visi Malaysia dalam melonjakkan ekonomi digitalnya sekaligus meletakkan negara di kedudukan yang terbaik.

Jelas beliau, komitmen berterusan kerajaan Malaysia di bawah pimpinan Najib itu amat dihargai pihaknya.

Beliau turut menyeru penggiat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan terutama golongan muda untuk memanfaatkan hab e-penunai DFTZ itu dalam usaha melonjakkan potensi

pertama di KLIA Air Cargo Terminal 1 (KACT 1) yang diper-

usaha meronjarkan potensi masing-masing.



BISNES

AGENSI

WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian



Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro



e-Penyertaan & Maklumbalas



Statistik & Prestasi



Pautan



Agensi



Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)



© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **12 Februari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**